

PEKELILING BENDAHARI BIL. 6/2014

EDARAN SEPERTI LAMPIRAN

Y.Bhg. Prof. Datuk/ Prof. Dr./ Prof. Madya/ Dr./ Tuan/ Puan,

JADUAL PEMBAYARAN GAJI BULANAN BAGI TAHUN 2015

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Jabatan Akauntan Negara (JAN) telah mengumumkan tarikh – tarikh pembayaran gaji pada tahun 2015 pada **Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia Bil.4 Tahun 2014.**

3. Justeru, Pejabat Bendahari Universiti Malaysia Kelantan akan menguruskan pembayaran gaji bagi tahun 2015 seperti di **Lampiran A.**

Sekian, terima kasih.

"SYARIAT DIPATUHI, RAJA DIHORMATI, RAKYAT DILINDUNGI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,


MOHD YUSRI BIN AWANG
Bendahari

s.k - Y.Bhg. Prof. Datuk Naib Canselor
Y.Bhg. Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
Y.Bhg. Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)
Y.Bhg. Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

SENARAI EDARAN

Pendaftar

Pejabat Pendaftar

Ketua Pustakawan

Pejabat Perpustakaan & Pengurusan Ilmu

Penasihat Undang-Undang

Bahagian Perundangan dan Governans
Pejabat Canselori

Dekan

Fakulti Keusahawanan & Perniagaan
Fakulti Perubatan Veterinar
Fakulti Industri Asas Tani
Fakulti Sains Bumi
Fakulti Teknologi Kreatif & Warisan
Pusat Pengajian Siswazah
Malaysian Graduate School of Entrepreneurship and Business (MGSEB)

Pengarah

Kampus Jeli
Pusat Pengajian Bahasa & Pembangunan Insaniah
Pusat Hal Ehwal Korporat
Pejabat Pembangunan, Infra & Perkhidmatan

Timbalan Pendaftar Kanan

Pejabat Hal Ehwal Pelajar

Ketua Pegawai Teknologi Maklumat


Pusat Teknologi Maklumat

Ketua

Unit Audit Dalam
Unit Islam dan Pembangunan Nilai

Ketua Pegawai Keusahawanan

UMK Entrepreneurship Institute



KERAJAAN MALAYSIA
SURAT PEKELILING AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
BILANGAN 4 TAHUN 2014

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Ketua Polis Negara, Bahagian Kewangan
Pengarah Jabatanarah Urusan Gaji Angkatan Tentera (UGAT)
Semua Ketua Akauntan Kementerian
Semua Pengarah Jabatan Akauntan Negara Negeri dan Cawangan
Semua Pusat Gaji

TARIKH DAN PERATURAN PEMBAYARAN GAJI TAHUN 2015

1. TUJUAN

Surat Pekeliling ini adalah bertujuan untuk memaklumkan:-

- 1.1 Tarikh pembayaran gaji bulanan bagi tahun 2015; dan ,
- 1.2 Peraturan-peraturan yang perlu dipatuhi oleh Kementerian/Jabatan bagi memastikan penyediaan gaji dapat diuruskan dengan teratur dan gaji dibayar mengikut jadual yang ditetapkan.

2. TARIKH PEMBAYARAN GAJI

Tarikh pembayaran gaji bulanan bagi tahun 2015 adalah seperti di **LAMPIRAN A** dan ianya ditetapkan berdasarkan Arahan Perbendaharaan 105 dan Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 6 Tahun 2004 bertajuk "Pindaan Arahan Perbendaharaan 105 Mengenai Tarikh Membayar Gaji."

3. PERATURAN PEMBAYARAN GAJI

3.1 Bayaran Gaji Melalui Sistem Gaji Berkomputer

Untuk memastikan Pejabat Perakaunan (PP) dapat membuat pembayaran gaji mengikut tarikh yang ditetapkan, Pusat Gaji (*Pay Center*) dikehendaki mematuhi perkara-perkara berikut:-

- a) Menghantar semua Borang Perubahan Gaji (Kew.320) yang lengkap berserta dokumen sokongan mengikut jadual yang akan ditetapkan oleh PP masing-masing bagi mengelakkan sebarang kelewatan;
- b) Borang Kew.320 bagi kes kemasukan yang diterima lewat daripada tarikh yang ditetapkan oleh PP, perubahan gaji tersebut akan dikemaskini dan diproses secara berasingan (*Separate Cycle*) bagi membolehkan bayaran dibuat selewat-lewatnya pada hari akhir bekerja bulan tersebut. Tiada halangan bagi PP untuk memproses gaji lebih daripada sekali dalam sesuatu bulan sekiranya perlu;
- c) Menyemak maklumat dalam Fail Induk Gaji sebaik sahaja e-Penyata Gaji & Laporan yang berkenaan dapat dimuat turun dari portal rasmi Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) dan mengambil tindakan serta merta untuk membuat pelarasan dan pembetulan jika perlu. Kesilapan yang perlu dibetulkan dalam Fail Induk Gaji termasuk butir-butir peribadi, nombor akaun bank dan nombor rujukan yang diberi oleh Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Cukai Pendapatan, Pinjaman Perumahan Kerajaan dan sebagainya;

- d) Semua arahan bagi membuat potongan gaji hendaklah lengkap dan tepat seperti nama, nombor kad pengenalan baru dan nombor rujukan potongan. Kesilapan dan kegagalan dalam memberi maklumat tersebut akan mengakibatkan potongan gaji tidak dapat dikreditkan ke akaun yang betul. Kesilapan ini juga akan menimbulkan kelewatan semasa penyediaan kertas pencen penjawat awam. Untuk mengatasi masalah ini semua Borang Kew.320 perlu disokong dengan salinan kad pengenalan baru dan dokumen yang membuktikan nombor rujukan potongan tersebut; dan
- e) PP hendaklah memastikan semua pembayaran gaji penjawat awam yang berjawatan tetap hendaklah dibayar melalui Sistem Gaji Berkomputer dan sebarang pembayaran melalui baucar bayaran berasingan boleh dibenarkan bagi kes-kes tertentu dengan kelulusan Pengarah/Ketua Akauntan di Pejabat Perakaunan.

3.2 Pembayaran Gaji Bagi Pekerja Bergaji Hari


- a) Baucar bayaran hendaklah dihantar pada 1 haribulan atau hari bekerja pertama bulan berikutnya; dan
- b) Tarikh pembayaran gaji bagi pekerja bergaji hari melalui Sistem Gaji Berkomputer akan ditetapkan oleh PP masing-masing selewat-lewatnya pada 10 haribulan bulan berikutnya.

4. PENUTUP

- 4.1 Semua Kementerian/Jabatan Persekutuan hendaklah mematuhi peraturan seperti di perenggan 3 bagi memastikan pembayaran gaji dapat dilaksanakan dengan sempurna mengikut jadual yang telah ditetapkan.

4.2 Surat Pekeliling ini dipanjangkan kepada semua Kerajaan Negeri, Badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan tertakluk kepada penerimaan oleh pihak berkuasa masing-masing.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"



DATUK WAN SELAMAH BINTI WAN SULAIMAN
Akauntan Negara Malaysia

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

27 November 2014

s.k :

Ketua Setiausaha Perbendaharaan
Ketua Audit Negara
Semua Pegawai Kewangan Negeri
Semua Akauntan/Bendahari Negeri
Semua Badan Berkanun
Semua Pihak Berkuasa Tempatan

TARIKH PEMBAYARAN GAJI BULANAN BAGI TAHUN 2015

<u>BULAN</u>	<u>TARIKH</u>	<u>HARI</u>	<u>CATATAN</u>
JANUARI	22.01.2015	KHAMIS	
FEBRUARI	12.02.2015	KHAMIS	<i>(Tahun Baru Cina 19&20/02/2015)</i>
MAC	25.03.2015	RABU	
APRIL	23.04.2015	KHAMIS	
MEI	21.05.2015	KHAMIS	<i>(Pesta Kaamatan 30&31/05/2015)</i>
JUN	25.06.2015	KHAMIS	<i>(Hari Gawai 1&2/06/2015)</i>
JULAI	09.07.2015	KHAMIS	<i>(Hari Raya Puasa 17&18/07/2015)</i>
OGOS	25.08.2015	SELASA	
SEPTEMBER	17.09.2015	KHAMIS	<i>(Hari Raya Haji 24/09/2015)</i>
OKTOBER	22.10.2015	KHAMIS	
NOVEMBER	25.11.2015	RABU	<i>(Hari Deepavali 10/11/2015)</i>
DISEMBER	17.12.2015	KHAMIS	<i>(Hari Krismas 25/12/2015)</i>